

D.R. 28/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR
(PEMBUBARAN) 1995**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Pemansuhan dan pembubaran.
4. Pengekalan.
5. Pencegahan kesulitan atau anomali.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971, membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Malaysia;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab mengenai pembangunan bandar;

"Perbadanan" ertinya Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971. Akta 46.

Pemansuhan dan pembubaran. **3.** Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 dimansuhkan dan Perbadanan yang ditubuhkan di bawahnya dibubarkan.

Pengekalan. **4.** (1) Walau apa pun pemansuhan di bawah seksyen 3, segala—

- (a) kuasa;
- (b) hak;
- (c) keistimewaan;
- (d) kewajipan;
- (e) liabiliti; dan
- (f) obligasi,

Akta 46. di bawah seksyen 18 Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 yang sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dipunyai oleh Perbadanan hendaklah, pada mula berkuatkuasa Akta ini,—

- (aa) turun kepada Kerajaan; dan
- (bb) dijalankan mengikut apa-apa undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa berhubung dengan—
 - .(aaa) perancangan bandar dan desa; dan
 - (bbb) cukai, sewa, kadar atau lain caj berkenaan dengan harta.

(2) Mana-mana—

- (a) kebenaran perancangan, kelulusan untuk pembangunan, atau kelulusan pelan bangunan yang diberi berkenaan dengan apa-apa tanah; dan
- (b) apa-apa suratcara atau dokumen diterbitkan,

oleh Perbadanan menurut kuasanya di bawah seksyen 18 Akta yang dimansuhkan, hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan dan hendaklah disifatkan telah diberi atau dikeluarkan oleh Kerajaan oleh sebab perjalanan subseksyen (1) sehingga ia dipinda, diubahsuai, dibatalkan atau dikanselkan oleh Kerajaan.

5. (1) Jika apa-apa kesulitan atau anomali timbul berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan Akta ini, Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian di dalamnya yang pada hematnya perlu untuk menghapuskan atau mencegah kesulitan atau anomali itu.

Pencegahan kesulitan atau anomali.

(2) Dalam seksyen ini, "ubahsuaian" termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, adaptasi, pengubahan, ubahpindaan dan ketakterpakaian apa-apa peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971, membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan beberapa istilah yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 3* memperuntukkan pemansuhan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 dan pembubaran Perbadanan Pembangunan Bandar.

5. *Subfasal 4(1)* bertujuan memperuntukkan pemindahan kuasa Perbadanan Pembangunan Bandar di bawah seksyen 18 Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 kepada Kerajaan.

Subfasal 4(2) bertujuan memperuntukkan supaya mana-mana kebenaran perancangan, kelulusan pembangunan atau pelan bangunan yang telah diperolehi daripada Perbadanan Bandar sebelum berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan, akan terus berkuatkuasa sehingga dipinda, diubahsuai, dibatalkan atau dikanselkan oleh Kerajaan.

6. *Fasal 5* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat pindaan yang sewajarnya sekiranya timbul sebarang permasalahan akibat pembatalan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1893.]